



Umat Islam tak boleh terpengaruh dengan ramalan dalam kalendar kaum Mayan

Persoalan kiamat

diami di pusat perlindungan bawah tanah berteknologi tinggi yang dibina bagi menghadapi saat itu semakin meningkat. Pemiliknya, Ron Hubbard, berkata permintaan daripada hanya satu sebulan meningkat kepada satu sehari.

Katanya, mereka akan masuk ke dalam pusat perlindungan bawah tanah itu pada 19 Disember dan akan keluar pada 23 Disember.

Lelaki China bina bahtera

Sebenarnya, banyak lagi berita mengenai persiapan dilakukan pelbagai pihak yang bimbang termasuk membeli stok keperluan dengan jumlah yang luar biasa di Russia dan kenyataan Perdana Menteri, Dmitry Medvedev, yang tidak percaya kiamat berlaku tahun ini, gagal meyakinkan rakyatnya.

Itu belum lagi kisah lelaki di China yang membina bahtera kerana membayangkan bencana bakal berlaku dalam bentuk banjir seperti zaman Nabi Nuh. Katanya,andainya dunia tidak kiamat, bahtera itu akan digunakan sebagai tarikan pelancong.

Ironinya, keturunan kaum Mayan yang ditanya mengenai perkara itu menolak pandangan mengatakan dunia akan berakhir pada tarikh berkenaan, sebaliknya menjelaskan kalendar itu merujuk kepada pengakhiran satu pusingan dan permulaan kepada pusingan baru.

Tidak kira bagaimana orang lain hendak menerima propaganda ditimbulkan pihak tertentu mengenai tarikh 21122012 yang bakal menjelang, bagi umat Islam, mereka perlu jelas dengan ketetapan ajaran Islam mengenai perkara ghaib termasuk hari kiamat.

Hakikatnya, kajian mengenai bumi sudah dilakukan sejak sekian lama dan pertukaran cuaca atau perubahan kedudukan bumi serta planet lain adalah fenomena boleh dijelaskan berdasarkan ilmu dipelajari manusia. Pensyarah di Fakulti Sains Universi-

ti Putra Malaysia, Prof Madya Mat Rofa Ismail yang ditanya perkara itu tiga tahun lalu sudah pun menjelaskan hasil kajian kosmologi mengenai matahari dalam era separuh umur dan berlaku perubahan dari segi fizikal.

Katanya, selain jangka hayat matahari banyak lagi perkara boleh berlaku secara tiba-tiba di angkasa raya umpamanya galaksi pecah. Oleh itu, untuk meletakkan tarikh tertentu bumi akan menghadapi saat kehancurannya adalah khurafat.

Memetik kata-katanya: "Faktor sains hanya dapat menjawab persoalan kecil daripada kosmos. Memang ada tanda bumi sekarang bergerak perlahan dan persekitaran juga bergerak perlahan. Akhirnya bumi akan berhenti berputar dan jika siang selama 30 jam, bumi akan terbakar.

"Itu adalah akademik kerana berdasarkan benda kita boleh jangka umur. Kajian radioaktif membolehkan pakar sains menjelaskan perubahan yang berlaku. Bagaimanapun, ketepatan masih dipersoalkan," katanya.

Ramalan mengarut

Mengulas dari aspek agama pula, pendakwah dan perunding motivasi, Datuk Zawawi Yusoh, berkata ramalan itu mengarut dan umat Islam sepatutnya tidak terpengaruh kerana Islam bukan agama teka teki atau melihat kepada tarikh.

Katanya, cerita ramalan mengenai kiamat sudah lama diperkatakan malah tarikhnya juga sudah banyak kali bertukar dan kali ini 21 Disember 2012 pula digembar-gemburkan sebagai saat kehancuran dunia.

"Rasulullah SAW sudah memberitahu mengenai kiamat serta tanda-tandanya untuk umat Islam. Jadi kenapa kita perlu terpengaruh dengan dakyah yang dibawa orang tidak mempunyai akidah. Jika Nabi Muhammad tidak tahu bila kiamat, bagaimana orang biasa boleh tahu," katanya.

Beliau berkata, umat Islam yang beriman kepada Allah SWT sepatutnya lebih bimbang terhadap persediaan mereka untuk berdepan dengan kiamat kecil iaitu saat kematian, berbanding memikirkan mengenai kiamat besar.

Umat Islam tidak patut takut

Zawawi berkata, umat Islam juga tidak sepatutnya takut dengan kepercayaan orang kafir yang memang suka masuk campur dalam hal ehwal akidah umat Islam termasuk meracun pemikiran mereka dengan perkara boleh merosakkan iman.

Katanya, sudah menjadi amalan orang kafir membuat ramalan contohnya setiap kali tiba awal tahun mereka akan menyatakan mengenai perkara yang dijangka akan berlaku sepanjang tahun itu.

"Bagi umat Islam lebih baik kita sibuk beramal untuk menghadapi kiamat kecil kerana hanya amalan baik yang dibawa bakal menentukan kesejahteraan kita di alam satu lagi. Orang Islam perlu kerja kuat berdasarkan dalil al-Quran dan sunnah, bukan ramalan," katanya.

Kesimpulannya, tidak perlulah hendak fikirkan betul ke kiamat sudah dekat atau meramalkan bila berlakunya kiamat. Sebaliknya, pastikan kita sudah bersiap sedia menghadapi apabila tiba saatnya nanti. Itu sepatutnya menjadi keutamaan.

Imam Muslim meriwayatkan daripada Huzafah bin Asid al Ghiffari, dia berkata: "Nabi datang kepada kami sedang kami berbincang lalu bertanya: Apa yang kalian bicarakan. Mereka menjawab: Kami sedang membicarakan kiamat. Baginda berkata: Sesungguhnya ia (kiamat) tidak akan terjadi hingga kalian lihat sepuluh tanda sebelumnya. Kemudian Baginda menyebut asap, dajjal, binatang, terbitnya matahari dari barat, turunnya Nabi Isa bin Maryam, Ya'juj dan Majuj, tiga penanggalan di bumi (di Timur, Barat dan Arab) dan yang terakhirnya adalah api keluar dari Yaman yang mengiring manusia ke tempat mereka berkumpul."



HASLIZA HASSAN

hasliza@bharian.com.my